Tarumacanan a/l Teagarajan & Anor v Public Prosecutor

COURT OF APPEAL (PUTRAJAYA) — CRIMINAL APPEAL NOS B-09(H)-154–04 OF 2022 AND B-09(H)-159–04 OF 2022
VAZEER ALAM, AZMI ARIFFIN AND SM KOMATHY JJCA
20 DECEMBER 2023

Criminal Procedure — Appeal — Appeal against conviction and sentence — Appellants charged with offence of gang-robbery punishable under ss 395/397 of Penal Code — Appellants convicted and sentenced to seven years imprisonment and one stroke of rotan — Whether learned trial judge failed to appreciate defence of appellants fairly, properly and adequately — Whether charge preferred against appellants was not proven by prosecution

On 13 October 2018 at about 7.05am while the complainant ('SP1') was in front of his house, he was approached by the appellants riding a motorcycle. One of the appellants strangled SP1 and the other tried to take SP1's belongings. SP1 threw his mobile phone and wallet into the gate area of his house but the second appellant then climbed the gate and took them. SP1 shouted and the appellants ran away when they saw SP1's friends ie Jishan and Ibrahim ('SP2') coming out of the house to help SP1. A few minutes later the appellants came back with machetes opening the house gate and shouted. SP2 then called the police. The arresting officer ('SP4') and Corporal Walter then went to the scene. While SP4 was talking with SP1, the appellants passed in front of them and SP1 shouted 'dia samun saya, dia samun saya' while pointing at the appellants to SP4. The appellants were later arrested. A physical examination done on the appellants found one machete at the back of the first appellant's body and another machete in the motorcycle's basket near the second appellant. The appellants were charged with an offence of gang-robbery punishable under ss 395/397 of the Penal Code. At the end of the trial, the learned sessions court judge found both the appellants guilty on the charge and imposed a sentence of seven years imprisonment and one stroke of the rotan. The appellants' appeal to the High Court was dismissed and hence, this appeal. The appellants claimed that SP1 had borrowed money from the second appellant and he promised to return the money but had failed to do so. Thus, the appellants were there to collect the money and their defence was supported by the testimony of DW3 who was present at the time of incident. The appellants also complained that the charge preferred against the appellants was never proven.

Held, dismissing the appeal:

(1) The learned trial judge found that the defence of money owed between SP1 and the second appellant was merely a bare denial and did not raise any reasonable doubt in her mind. It was impossible to doubt the credibility and veracity of SP1 and the consistency of his evidence. On the whole, he was a witness of the truth. Therefore, the first ground had no merits (see paras 21 & 23).

(2) The non-discovery and non-production of the robbed item was not fatal under s 395 of Penal Code. Ultimately, it did not change the fact that SP1 was robbed by the appellants. Thus, the second ground also failed (see para 26).

(3) The was no error in the appreciation of the defence case by the learned trial judge and the appeal judge. Neither there was any mistake of law or facts, any miscarriage of justice or any valid reason for the court to interfere with their final decisions. The evidence against the appellants was overwhelming. Therefore, the conviction against the appellants was safe. On the issue of sentence, the offence committed by the appellants demanded appropriate punishment so as to reflect public abhorrence of such crimes. The sentences were not wrong either in law or that they were manifestly excessive or inadequate on the facts and in the circumstances of the case (see paras 29–31).

[Bahasa Malaysia summary

Pada 13 Oktober 2018 kira-kira jam 7.05 pagi semasa pengadu ('SP1') berada di hadapan rumahnya, dia telah didatangi perayu-perayu yang menunggang motosikal. Seorang daripada perayu mencekik SP1 dan seorang lagi cuba mengambil barang-barang SP1. SP1 mencampakkan telefon bimbit dan dompetnya ke dalam kawasan pintu pagar rumahnya tetapi perayu kedua kemudian memanjat pagar dan mengambilnya. SP1 menjerit dan perayu-perayu melarikan diri apabila melihat rakan SP1 iaitu Jishan dan Ibrahim ('SP2') keluar dari rumah untuk membantu SP1. Beberapa minit kemudian perayu kembali dengan parang membuka pintu pagar rumah dan menjerit. SP2 kemudian menghubungi polis. Pegawai tangkapan ('SP4') dan Koperal Walter kemudian pergi ke tempat kejadian. Semasa SP4 bercakap dengan SP1, perayu-perayu lalu di hadapan mereka dan SP1 menjerit 'dia samun saya, dia samun saya' sambil menunjuk ke arah perayu kepada SP4. Perayu kemudiannya ditangkap. Pemeriksaan fizikal yang dilakukan ke atas perayu menemui satu parang di belakang badan perayu pertama dan satu lagi parang di dalam bakul motosikal berhampiran perayu kedua. Perayu-perayu didakwa melakukan kesalahan rompakan berkumpulan yang boleh dihukum di bawah s 395/397 Kanun Keseksaan. Pada akhir perbicaraan, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana mendapati kedua-dua perayu bersalah atas pertuduhan dan menjatuhkan hukuman penjara tujuh tahun dan satu sebatan. Rayuan perayu-perayu kepada Mahkamah Tinggi telah ditolak dan oleh itu, rayuan ini. Perayu-perayu mendakwa SP1 telah meminjam wang daripada

perayu kedua dan dia berjanji akan memulangkan wang tersebut tetapi gagal berbuat demikian. Oleh itu, perayu-perayu berada di situ untuk memungut wang tersebut dan pembelaan mereka disokong oleh keterangan DW3 yang hadir ketika kejadian. Perayu-perayu juga mengadu bahawa pertuduhan yang dikenakan terhadap perayu-perayu tidak pernah dibuktikan.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Hakim bicara yang bijaksana mendapati bahawa pembelaan wang yang terhutang antara SP1 dan perayu kedua hanyalah penafian kosong dan tidak menimbulkan sebarang keraguan munasabah dalam fikirannya. Adalah mustahil untuk meragui kredibiliti dan kebenaran SP1 dan konsistensi keterangannya. Secara keseluruhannya, dia adalah saksi bercakap benar. Oleh itu, alasan pertama tidak mempunyai merit (lihat perenggan 21 & 23).

(2) Ketiadaan penemuan dan penunjukan barang yang dirompak adalah tidak fatal di bawah s 395 Kanun Keseksaan. Akhirnya, ia tidak mengubah fakta bahawa SP1 telah dirompak oleh perayu. Oleh itu, alasan kedua juga gagal (lihat perenggan 26).

(3) Tiada kesilapan dalam penghargaan kes pembelaan oleh hakim bicara dan hakim rayuan. Tidak terdapat sebarang kesilapan undang-undang atau fakta, sebarang kecuaian keadilan atau sebarang alasan yang sah untuk mahkamah mengganggu keputusan muktamad mereka. Keterangan terhadap perayu-perayu adalah amat banyak. Oleh itu, sabitan terhadap perayu adalah selamat. Dalam isu hukuman, kesalahan yang dilakukan oleh perayu-perayu menuntut hukuman yang setimpal bagi menggambarkan kebencian orang ramai terhadap jenayah tersebut. Hukuman-hukuman itu tidak salah sama ada di sisi undang-undang atau bahawa hukuman itu nyata berlebihan atau tidak mencukupi berdasarkan fakta dan dalam keadaan kes (lihat perenggan 29–31).]

Cases referred to

Baharom v PP [1960] 1 MLJ 249; [1960] 1 LNS 9, CA (refd)
Chu Tak Fai v PP [1998] 4 MLJ 246; [1998] 4 CLJ 789, CA (refd)
Gunalan a/l Ramachandran & Ors v PP [2004] 4 MLJ 489; [2004] 4 CLJ 551, CA (refd)
Liew Siew & Anor v PP [1969] 2 MLJ 232; [1969] 1 LNS 90 (refd)
Subramaniam v PP [1956] 1 MLJ 220; [1956] 1 LNS 115, PC (refd)
PP v Munusamy [1980] 2 MLJ 133, FC (refd)

Legislation referred to

Penal Code ss 395, 397

Appeal from: *Tarumacanan a/l Teagarajan dan satu lagi lwn Pendakwa Raya*

dan satu lagi kes [2022] MLJU 1098 (High Court, Shah Alam)

Geethan Ram (with Eu Kah Mun) (Geethan Ram) for the appellant.
Sarulatha (Deputy Public Prosecutor, Attorney General's Chambers) for the respondent.

Azmi Ariffin JCA:

INTRODUCTION

[1] The charge preferred against the appellants read as follows:

> Bahawa kamu pada 13/10/2018 jam lebih kurang 7.05 pagi di hadapan No.1 Jalan Guruh Kuala Ampang, di dalam Daerah Hulu Langat, di dalam Negeri Selangor, telah melakukan rompakan berkumpulan terhadap Abu Taher Mia (No PIP: BR0287676) dengan merompak hartanya iaitu 1 unit telefon bimbit jenama Redmi Note 5 dan dompet duit, anggaran kerugian RM600.00 dan semasa melakukan rompakan tersebut, kamu telah menggunakan senjata sebilah parang. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 395/397 Kanun Keseksaan (Akta 574).

[2] The appellants claimed trial to the charge.

[3] In support of its case the prosecution called six witnesses.

[4] When the appellants were called upon to enter their defence, they elected to give evidence on oath and called two witnesses to testify on their behalf.

[5] At the end of the trial, the learned sessions court judge found both the appellants guilty on the charge and imposed a sentence of seven years imprisonment (from date of conviction) and one stroke of the rotan.

[6] Dissatisfied with the said decision, the appellants appealed to the High Court Shah Alam against both the conviction and sentence.

[7] On 13 April 2022, the learned High Court judge affirmed the findings of the trial judge and dismissed the appellants appeal against conviction and sentence.

[8] This present appeal before us is by both the appellants against conviction and sentence.

A THE CASE FOR THE PROSECUTION

[9] The facts that had been adduced by the prosecution during the prosecution's case had been aptly summarised by the learned trial judge in his grounds of judgment, which we now reproduce:

B

> [4] Fakta kes secara ringkas adalah pada 13 Oktober 2018 jam lebih kurang 0705hrs semasa pengadu, Abu Taher seorang warganegara Bangladesh berada di hadapan rumahnya beralamat di No 1 Jalan Guruh Hulu Kelang, Kuala Ampang, SP1 telah didatangi oleh dua lelaki India menaiki motorsikal jenis Modenas Kriss nombor pendaftaran WFG785. Menurut SP1 pada masa itu, beliau baru balik selepas menunaikan solat subuh dan menunggu di hadapan pagar untuk dibuka oleh makciknya apabila tiba-tiba dua orang lelaki India (OKT1 dan OKT2) telah menghampiri SP1. Dua orang lelaki India itu telah turun dari motor dan satu orang mencekik SP1 dan satu orang lagi cuba mengambil barang-barang milik SP1. SP1 tidak dapat melihat siapa yang mencekiknya tetapi semasa OKT-OKT hendak balik SP1 nampak muka kedua-dua OKT. SP1 juga cam kedua-dua OKT kerana mereka datang dua tiga kali.
>
> [5] SP1 telah membaling barang-barangnya iaitu telefon bimbit jenama Redmi Note 5 dan dompet duit ke dalam kawasan pagar rumah semasa SP1 dicekik oleh OKT1. Menurut SP1, OKT2 telah memanjat pagar dan masuk ke dalam kawasan rumah dan telah mengambil barang-barang SP1. SP1 telah menjerit memanggil Jishan dan Ibrahim (SP3) yang tinggal di rumah tersebut. SP1 juga menjerit memanggil pakciknya. Kedua-dua lelaki India ini kemudiannya telah melarikan diri menaiki motor apabila jeritan SP1 telah didengari oleh mereka yang berada di dalam rumah tersebut dan telah keluar untuk membantu SP1.
>
> [6] SP2 Ullah Mohamad Ibrahim Khalil, merupakan kawan kepada SP1 dan tinggal bersama SP1 dan keluarganya di rumah di mana kejadian rompakan berlaku. Menurut SP2 pada jam 7.05 pagi ketika beliau berada di ruang tamu sedang berzikir selepas solat subuh SP2 terdengar orang menjerit memanggil nama abang saudaranya iaitu Jishan dengan kuat dan lantang menyebabkan SP keluar ke ruang tamu untuk melihat siapa yang menjerit. Apabila keluar SP2 nampak SP1 diluar pagar rumah dicekik oleh OKT1 di bahagian leher. Menurut SP2, beliau juga nampak satu orang lagi OKT2 memanjat masuk ke dalam kawasan rumah dengan memanjat tembok. SP2 dan Jishan telah menjerit dan pada masa yang sama OKT1 dan OKT2 telah melarikan diri menaiki motorsikal.
>
> [7] Selepas OKT-OKT melarikan diri, SP2 dan Jishan telah turun ke bawah untuk memasukkan SP1 ke dalam rumah kerana pintu pagar berkunci dan memeriksa barang apa yang hilang. OKT2 masuk ke dalam kawasan pagar rumah telah mengambil telefon bimbit SP1. Dompet duit tidak diambil oleh OKT-OKT. Jarak antara SP2 dan tempat kejadian adalah lebih kurang 5 meter.
>
> [8] Menurut SP2 selang beberapa minit, OKT1 dan OKT2 datang kali kedua dan membawa parang membuka pintu pagar rumah dan menjerit kalau berani turun. SP2 telah menalipon polis. Dalam jam 7.30–7.35 polis sampai. Semasa mereka bercerita dengan polis, kedua-dua OKT telah lalu di hadapan rumah dan SP2 serta SP1 dan Jishan telah tunjuk OKT-OKT kepada polis. SP2 boleh cam kedua-dua OKT kerana mereka tidak memakai topi keledar. SP2 juga mengenali OKT-OKT

C D E F G H I

kerana mereka bersekolah di sekolah yang sama. SP2 tidak nampak OKT-OKT membawa parang semasa kejadian rompakan ke atas SP1.

[9] Pada jam lebih kurang 0721 hrs hari yang sama iaitu 13 October 2018, anggota tangkapan, Korporal Nadmin Shamaizar Abdul Jalil (SP4) dan Koperal Walter yang menaiki MPV SL 318 dan pada ketika itu sedang bertugas ronda cegah jenayah sektor (7) Balai Polis Hulu Kelang Ampang telah menerima berita MERS 999 dari bilik Gerakan Ampang seorang lelaki warganegara Bangladesh telah diragut oleh dua orang lelaki India menggunakan parang. Berikutan itu SP4 dan Korperal Walter telah pergi ke tempat kejadian iaitu di rumah SP1.

[10] Semasa berada di lokasi kejadian dan ketika SP4 menemubual SP1 untuk mendapatkan maklumat kejadian, dua orang lelaki India telah melintas di hadapan mereka, SP1 telah menjerit 'dia samun saya, dia samun saya' lalu SP1 dan telah menunjukkan kepada anggota tangkapan dua orang lelaki India menaiki motorsikal jenis Modenass Kriss warna merah nombor pendaftaran WG 785 yang sedang melintas di hadapan SP4 dan Koperal Walter. SP4 dan Korperal Walter telah mengejar OKT-OKT dan telah berjaya menahan OKT-OKT.

[11] Koperal Walter yang bersama-sama membuat tangkapan ke atas OKT-OKT bersesama SP4 telah melakukan pemeriksaan fizikal ke atas OKT-OKT disaksikan oleh S4, telah menjumpai dua bilah parang iaitu sebilah di belakang badan OKT1 (P9) (ditutup dengan baju) dan sebilah lagi di dalam bakul motorsikal berhampiran dengan OKT2 (P10). SP4 kemudiannya telah merampas kedua-dua bilah parang tersebut serta beg galas jenama Nike (P6) dan sepasang sarung tangan bewarna biru hitam jenama The Fox Vehicle (P7). SP4 dan Konstable Walter seterusnya telah membuat tangkapan ke atas OKT-OKT.

[12] Barang-barang rampasan dan OKT-OKT telah dibawa ke balai untuk tindakan lanjut dan diserahkan keapda pegawai penyiasat kes Inspektor Mohd Zuhadi Shafie (SP6) untuk siasatan dan tindakan lanjut.

THE CASE FOR THE DEFENCE

[10] The appellants defence had also been summarised by the learned trial judge, and we now reproduce:

[30] Pembelaan telah memanggil seramai dua orang saksi iaitu jiran OKT2 iaitu Puan Malathi a/p Palanisamy (SD3) serta Puan Maria Puspam a/p Rayappan (SD4) di samping keterangan OKT1, Tarumachanan a/l Teagarajan (SD2) dan OKT2 Vijayakumaran a/l Manogar (SD1), bagi menyokong keterangan pembelaan.

[31] Menurut keterangan OKT1 dan OKT2 lebih kurang pada jam 7pagi mereka telah pergi ke rumah SP1 untuk menuntut hutang iaitu sejumlah wang RM5,000 yang telah dipinjam oleh SP1 dari OKT2 untuk tujuan memperbaharui VISA SP1. OKT2 dan SP1 tinggal di kawasan yang sama iaitu di Kuala Ampang.

[32] Di dalam keterangannya, OKT2 menyatakan pada bulan Mac 2018, SP1 telah meminjam wang berjumlah RM5,000 dari OKT2 dan SP1 berjanji untuk membayar balik wang yang dipinjam pada bulan April. Walau bagaimanapun SP1 gagal untuk membuat bayaran balik pinjaman tersebut. Apabila diminta oleh OKT2, SP1 memaklumkan belum mendapat duit lagi dan jika OKT2 menalipon SP1 tidak menjawab panggilan SP1.

A [33] Menurut OKT2 pada 12 Oktober 2018 jam lebih kurang 8 malam OKT2 telah pergi ke rumah SP1 dan telah keluar seorang perempuan memaklumkan SP1 tiada di rumah keluar bekerja dan akan pulang pada esok pagi.

[34] Pada keesokan harinya, 13 Oktober 2018 jam lebih kurang 7 pagi OKT1 dan OKT2 telah pergi ke rumah SP1 untuk menuntut wang yang dipinjam oleh SP1. B Menurut OKT2 pada waktu itu SP1 baru balik dari kerja. OKT1 telah turun dari motor dan meminta SP1 membayar wang tersebut. Apabila diminta oleh OKT1, SP1 mengulangi jawapan akan membayar duit tersebut apabila perlu. OKT1 telah memarahi SP1. Ketika itu OKT2 duduk di atas motor.

C [35] SP1 juga maklumkan akan membuat laporan polis jika OKT1 dan OKT2 datang semula dan meminta duit dari SP1. Pertelingkahan antara mereka telah menyebabkan jiran semua keluar dan nampak. OKT2 telah memanggil OKT1 dan mereka beredar dari tempat tersebut.

[36] Setelah itu mereka ke balik ke rumah OKT2 untuk mengambil barang-barang dan hendak pergi kerja. Untuk pergi kerja mereka perlu melalui rumah SP1. Dan D ketika mereka melalui di hadapan rumah SP1, SP1 telah tunjuk ke arah mereka kepada polis.

[37] OKT1 di dalam keterangannya menyatakan mengenali SP1 kerana SP1 pernah bekerja dengan OKT2 dan pernah mencadangkan SP1 untuk beberapa E pekerjaan plumbing dan elektrik di kawasan Kuala Ampang. OKT2 mempunyai syarikat yang dikenali sebagai Seeverajaya Enterprise (D21(a) dan D21(b). OKT2 pernah mengesyorkan/rekomen SP1 untuk kerja-kerja piping di rumah SD3 iaitu di Lorong Kabus 1 dan Lorong Kabus 8 dan Lorong Embun 3.

[38] Menurut OKT2 beliau dapat kumpul duit dari Puan Malathi sebanyak F RM5,000, Encik Mahendaran RM2,000 dan dari Puan Maria RM1,500 bagi kerja-kerja piping yang dibuat dirumah mereka. Bagi kerja-kerja yang dibuat oleh SP1, OKT2 telah memberikan upah untuk jumlah RM400 untuk kerja-kerja di rumah Mahendran, RM1,500 untuk kerja-kerja di rumah Maria dan RM5,000 untuk kerja-kerja di rumah Malathi.

G [39] Di dalam keterangannya OKT2 memaklumkan menghubungi SP1 melalui nombor 0166719770 untuk kerja dan juga meminta wang yang dipinjam oleh SP1.

[40] OKT1 di dalam keterangannnya menyatakan telah pergi ke rumah OKT2 dalam pukul 6.30 hingga 6.45 pagi berikutan dipanggil oleh OKT2 kerana ada kerja. OKT1 bekerja freelance dengan OKT2 bermula pertengahan Januari atau H awal Februari 2018. Selepas sampai di rumah OKT2, OKT2 memaklumkan kepada OKT1 untuk pergi ke rumah SP1 untuk meminta hutang.

[41] OKT1 dan OKT2 telah pergi ke rumah SP1 dalam pukul 7 lebih pagi. OKT1 telah meminta duit hutang itu dari SP1 tetapi SP1 enggan bayar dan SP1 maklumkan akan buat laporan polis. Ketika itu OKT2 duduk di atas motor. OKT1 telah menjerit marahkan SP1.Pada masa itu dua orang dari rumah SP1 dan seorang I kakak yang sedang berbual dengan OKT2 ada di tempat kejadian.

[42] Selepas itu OKT1 dan OKT2 balik ke rumah OKT2 untuk mengambil tool box, wire gulung, screw driver, test pen dan diletakkan di dalam bakul motorsikal untuk pergi kerja. OKT1 menyatakan OKT2 ada memaklumkan kepadanya yang SP1 ada meminjam duit OKT2 sebelum tarikh kejadian.

[43] Di dalam keterangan SD3, Puan Malathi a/p Perumal yang merupakan jiran kepada OKT2 menyatakan pada tarikh kejadian 13 Oktober 2018 pada jam lebih kurang 7.10 pagi ketika beliau melalui jalan Kabus 1 menuju ke pasar beliau terdengar pergaduhan dan nampak SP1 dan OKT1 yang beliau panggil young man bertanyakan SP1 bila kamu nak bagi balik duit? Selepas itu SD3 telah melalui jalan kabus 1 dan telah tanya OKT2 apa masalah dan OKT2 telah menjawab tujuan adalah untuk minta balik duit yang telah dipinjam oleh SP1. Selepas itu SD3 berlalu ke pasar.

[44] Saksi pembelaan SD4, Puan Maria Puspam a/l Rayappan di dalam keterangannya menyatakan mengenali OKT2 yang dipanggilnya Jiji Boy dan OKT1 yang dipanggil Dharma kerana mereka adalah rakan sekelas anaknya dari kecil. OKT2 tinggal di kawasan rumah SD4 tetapi tidak mengetahui Dharma tinggal di mana. SD4 juga akan memanggil OKT2 untuk membuat wiring (pendawaian elektrik) dan piping di rumahnya.

[45] Di dalam keterangannya, SD4 menyatakan kali terakhir beliau memanggil OKT2 untuk melakukan kerja-kerja di rumahnya adalah pada bulan Februari 2018. SD4 juga menyatakan semasa kerja-kerja dilakukan di rumahnya, OKT2 telah membawa seorang lelaki warganegara Bangladesh dan SD4 mengenali lelaki Bangladesh itu kerana lelaki Bangladesh itu dari kawasan yang sama dengan SD4. SD4 telah camkan SP1 melalui gambar di eksh P2. Menurut SD4 beliau hadir ke mahkamah bagi menjadi saksi bagi kesalahan yang tidak dilakukan oleh OKT-OKT. SD4 tidak mengetahui yang OKT1 dan OKT2 telah ditangkap oleh polis.

[46] Menurut SD4 beliau hanya mengetahui yang OKT1 dan OKT2 telah ditangkap polis melalui bapa OKT dua hari selepas OKT1 dan OKT2 ditangkap polis ketika bertemu bapa OKT2 di pasar. Di dalam pertemuan itu SD4 telah bertanyakan kepada bapa OKT2 kenapa mereka ditangkap dan SD4 telah dimaklumkan oleh bapa OKT2 bahawa OKT1 dan OKT2 pergi meminta hutang dan selepas itu polis telah menangkap mereka.

[47] Di dalam keterangannya SD4 memaklumkan telah memberitahu bapa OKT2 untuk pergi ke rumah SP1 tersebut dan bercakap dengan mereka. Berikutan itu, pada pukul 8 malam SD4 telah pergi ke rumah bapa SP2 dan bertanyakan kepada bapa SP1 yang dipanggil 'Ayya' kenapa membuat laporan polis dan polis telah menangkap OKT2 sedangkan mereka datang untuk meminta hutang sahaja. Menurut SP4 bapa SP2 maklumkan kejadian telah berlaku dan memberitahu akan tarik balik kes ini dalam dua hingga tiga hari. Selepas itu SD4 pun balik ke rumah.

The relevant provision of law:

Section 395 of the Penal Code (Act 574) provides that:

Punishment for gang-robbery.

Whoever commits gang-robbery shall be punished with imprisonment for a term which may extend to twenty years, and shall also be liable to whipping.

A FINDINGS OF THE LEARNED TRIAL JUDGE

[11] The learned trial judge then analysed the evidence of both the appellants at length and concluded:

B [48] Di dalam kes ini pertuduhan ke atas OKT1 dan OKT2 adalah merompak. Keterangan SP1 menyatakan pada waktu dan tarikh kejadian SP1 baru balik dari menunaikan solat subuh di surau berhampiran apabila OKT 1 dan OKT2 datang merompak SP1. SP1 menafikan ada berhutang dengan OKT2. Malah semasa disoal oleh peguam, SP1 dengan tegas menafikan beliau ada meminjam duit dari OKT2 bagi tujuan memperbaharui VISAnya.

C [49] Mahkamah mendapati OKT1 dan OKT2 tidak menafikan telah berjumpa dengan SP1 namun menafikan telah merompak dan mencekik SP1. Asas pembelaan adalah kehadiran OKT1 dan OKT2 ke rumah SP1 adalah untuk menuntut hutang dan bukan tujuan merompak.

D [50] Pembelaan juga telah mengemukakan saksi-saksi SD3 dan SD4 bagi menyokong pembelaan OKT1 dan OKT2 bahawa pada pagi hari kejadian OKT1 dan OKT2 telah pergi ke rumah SP1 bagi tujuan rundingan untuk menuntut hutang iaitu wang berjumlah RM5,000 yang dikatakan dipinjam oleh SP1 dari OKT2 bagi tujuan pembaharuan VISA SP1.

E [52] Keterangan oleh OKT2 menyatakan SP1 telah meminjam duit OKT2 sekitar Mac 2018. Namun mahkamah mendapati keterangan ini bercanggah dengan keterangan SP1 yang beliau hanya berada di Kuala Ampang bermula 14 April 2018 sejak VISAnya bekerja di Kuantan tamat. SP1 juga di dalam keterangannya menyatakan SP1 bekerja di Kuantan sejak tahun 2016 dan hanya setelah VISA
F kerjanya tamat iaitu bermula pada 14 April 2018 SP1 telah berada di rumah bapa saudaranya di Kuala Ampang. Selepas VISA bekerjanya tamat sepanjang tempoh tersebut iaitu dari tempoh 14 April 2018 sehingga 13 Oktober 2019, SP1 bekerja di restoran di Jalan Pudu.

G [53] Oleh yang demikian timbul keraguan bagaimanakah SP1 boleh membuat pinjaman wang sebanyak RM5,000 dari OKT2 pada bulan Mac 2018 sedangkan keterangan SP1 adalah jelas yang SP1 hanya berada di Kuala Ampang di rumah bapa saudaranya bermula dari 14 April 2018. Fakta ini tidak pernah dipertikaikan oleh peguam. Malahan mahkamah meragui fakta berkenaan pinjaman wang ini apabila peguam OKT sendiri semasa pemeriksaan balas terhadap SP1 bertanyakan
H soalan kepada SP1 samada ada meminjam wang pada bulan Oktober 2018 dan bukannya Mac 2018 sedangkan fakta itu adalah keterangan bagi pembelaan. Justeru pada mahkamah pembelaan OKT1 dan OKT2 berkenaan pinjaman wang oleh SP1 hanyalah rekaan semata-mata.

Di kemukakan nota keterangan pemeriksaan balas SP1 oleh peguam sebagaimana
I berikut:

Q: Saya cadangkan dalam tempoh bulan Oktober 2018 kamu buat kerja kontrak di Ampang?

A: Tidak setuju

[54] Mahkamah juga mendapati keterangan oleh OKT2 semasa diperiksa balas oleh timbalan pendakwaraya mengakui tidak pernah memaklumkan kepada pegawai penyiasat semasa rakaman percakapan berkenaan pinjaman wang oleh SP1 ini. Pada mahkamah fakta ini adalah sangat relevan yang seharusnya dimaklumkan kepada pegawai penyiasat untuk membuktikan dan mengesahkan kehadiran OKT1 dan OKT2 di rumah SP1 adalah untuk menuntut hutang kerana fakta ini berada di dalam pengetahuan OKT1 dan OKT2 sendiri dan asas pembelaan. Kegagalan oleh OKT2 untuk memaklumkan perkara ini semasa rakaman percakapan tidak dijelaskan dalam pemeriksaan semula. Kegagalan OKT2 mahupun OKT1 untuk memaklumkan perkara ini kepada pegawai penyiasat telah menimbulkan keraguan kepada mahkamah.

[55] Dikemukakan nota keterangan pemeriksaan balas OKT2 oleh timbalan pendakwaraya sebagaimana berikut:

> Q: Diawal-awal kamu ditangkap ada kamu bagitahu Inspektor tentang pinjaman ini?
>
> A: Saya ada beritahu Inspektor Zuhadi
>
> Q: Sewaktu rakaman percakapan, ada bagitahu?
>
> A: Saya ada beritahu
>
> Q: Kamu ada beritahu tentang pinjaman wang ini sewaktu
>
> A: Saya tidak beritahu

[56] Selanjutnya di dalam keterangan OKT2 semasa pemeriksaan utama oleh peguamnya, menyatakan mengenali SP1 sejak tahun 2017. Namun apabila diperiksa balas oleh timbalan pendakwaraya OKT2 menyatakan kali pertama berjumpa SP1 adalah pada bulan Januari 2018. Percanggahan keterangan fakta ini tidak dijelaskan oleh OKT2 melalui peguambelanya. Pada mahkamah keterangan ini adalah material bagi membuktikan yang SP1 benar-benar mengenali OKT2 dan sememangnya pernah melakukan kerja-kerja wiring dan piping kepada jiran-jiran di Kuala Ampang atas saranan dan syor OKT2 sendiri. Percanggahan fakta ini juga jelas menimbulkan keraguan kepada mahkamah.

[57] Mahkamah bersetuju dengan hujahan timbalan pendakwaraya perkara berkenaan dengan meminta hutang adalah penafian OKT1 dan OKT2 semata-mata. Selanjutnya mahkamah juga mendapati di dalam keterangan OKT1 menyatakan OKT1 yang bercakap dan bertanyakan kepada SP1 berkenaan hutang OKT2. Semasa disoal balas oleh timbalan pendakwaraya kenapa OKT1 yang perlu meminta hutang tersebut, OKT1 hanya menjawab OKT1 diarahkan oleh OKT2 untuk meminta hutang itu. Meneliti kepada keterangan OKT1, OKT1 menyatakan tidak mengenali SP1 ini dan hanya pernah nampak sahaja. Pada mahkamah ia adalah suatu yang tidak munasabah untuk seseorang yang tidak mengenali seseorang dan bukan pemiutang untuk menuntut hutang sedangkan orang yang memberi hutang ada di tempat itu dan hanya duduk di motor sahaja. Sementelahan pula OKT2 lebih mengenali SP1 dan pernah bekerja mahkamah ini adalah suatu yang tidak munasabah dan pelik OKT1 tidak mengenali SP1 tetapi hanya pernah nampak sahaja berikutan keterangan OKT2 menyatakan SP1 ada

bekerja membuat wiring dan piping bagi OKT2 untuk SD3 dan SD4 serta Mahendran sedangkan keterangan OKT1 dan OKT2 sendiri mengesahkan OKT1 ini bekerja freelance dengan OKT2.

[58] Peguam turut menghujahkan SD3 adalah saksi mata dan ini menunjukkan pembelaan OKT1 dan OKT2 bukanlah suatu fikiran terkemudian. Hujah pembelaan, pendakwaan sepatutnya harus memanggil semula untuk pengecaman sebagai keterangan *rebuttal* samada SP1 kenal SD3 dan SD4 dan samada SP1 pernah bekerja di rumah SD3 dan SD4.

[59] Dengan hormatnya mahkamah tidak menerima hujahan pembelaan ini. Mahkamah mendapati fakta kes di hadapan mahkamah ini hendaklah dibezakan dengan fakta kes di dalam kes *Public Prosecutor v Balwant Singh* tersebut. Di dalam kes *Public Prosecutor v Balwant Singh*, saksi keempat pembelaan (DW4) yang dikatakan sebagai saksi mata telah memberikan keterangan di mahkamah selepas terbaca di dalam suratkhabar berkenaan tuduhan membunuh terhadap OKT dan DW4 telah diambil penyataannya oleh pihak polis.

[60] Berbeza dengan kes di hadapan mahkamah ini, keterangan menujukkan SD3 dan SD4 mengetahui lebih awal berkenaan dengan penangkapan OKT1 dan OKT2. Keterangan menunjukkan SD3 telah tinggal di kawasan perumahan tersebut sejak 55 tahun dahulu. SD3 mengetahui berkenaan penangkapan OKT1 dan OKT2 dua minggu selepas OKT1 dan OKT2 ditangkap tetapi SD3 mendiamkan diri sahaja. Di dalam keteranganya, SD3 menyatakan nampak dua lelaki Bangladesh dari atas rumah. Namun tiada keterangan kepada polis diberikan oleh SD3 dan SD4 bagi membantu polis menjalankan siasatan dengan lebih adil. Ironinya di dalam keterangan SP1 dan SP2 menyatakan tidak nampak sesiapa di tempat kejadian.

[61] Di dalam keterangannya, SD3 menyatakan terdengar pergaduhan di antara OKT1 dan SP1 di tempat kejadian semasa ingin ke pasar. Pada mahkamah jika SD3 benar-benar nampak kejadian yang berlaku SD3 sepatutnya membuat laporan polis bagi membantu polis menjalankan siasatan seadilnya dan membuktikan bahawa OKT1 dan OKT2 tidak bersalah melakukan rompakan ke atas SP1.

[62] Selanjutnya juga, SD3 di dalam keterangannya menyatakan melalui tempat kejadian dalam perjalanannya ke pasar pada jam lebih kurang 7.10 pagi. Keterangan menunjukkan kejadian rompakan berlaku pada jam 7.05 pagi. Justeru adalah jelas SD3 tidak nampak kejadian rompakan melainkan SD3 hanya nampak OKT1 dan OKT2 di jalan tersebut dan terdengar pergaduhan selain bertanyakan kepada OKT2 apa yang berlaku. Fakta ini diakui oleh SD3 semasa pemeriksaan balas oleh timbalan pendakwaraya. Dikemukakan nota keterangan sebagaimana berikut:

> Q: Kamu sampai di P2, 7 hingga 7.10 minit pagi. Sebelum kamu sampai kamu tak tahu apa berlaku, Setuju?
>
> A: Setuju

Justeru, keterangan oleh SD3 ini diragui oleh mahkamah. Oleh yang demikian pada mahkamah keterangan SD3 tidak membantu pembelaan OKT1 dan OKT2.

[63] Mahkamah juga telah meneliti kepada keterangan SD4. Adalah fakta yang jelas SD4 tiada di tempat kejadian semasa rompakan berlaku. Peranan SD4 hanyalah

untuk berjumpa dengan bapa saudara SP1 bagi berbincang untuk SP1 menarik balik laporan polisnya berkenaan tangkapan terhadap OKT1 dan OKT2 yang dikatakan pergi ke rumah SP1 untuk mendapatkan bayaran balik wang yang dihutang oleh SP1. Di dalam keterangannya, SD4 mengakui tidak berada di tempat kejadian pada tarikh 13 Oktober 2018 jam 7.05 pagi kerana ketika itu SD4 berada di rumah.

[64] Oleh yang demikian berdasarkan kepada keterangan SD4 ini pembelaan menghujahkan penarikan balik laporan polis oleh SP1 bertarikh 17 Jun 018 (D4) dan isu-isu yang dibangkitkan oleh SD4 bukanlah rekaan semata-mata tetapi benar di mana laporan tarik balik telah dibuat oleh SP1. Meneliti kepada isu ini adalah fakta yang tidak dinafikan terdapatnya laporan tarik balik oleh SP1. Namun tiada keterangan yang menunjukkan penarikan balik laporan polis tersebut adalah disebabkan hutang SP1 dari OKT2.

[65] lni berikutan SP1 di dalam keterangannya semasa disoalbalas oleh peguam telah menjelaskan bahawa SP1 menarikbalik laporan polis tersebut kerana mereka tinggal di kawasan yang sama dan ayah OKT2 dan pakcik SP1 adalah kawan rapat. Dan tujuan SP1 menarik balik laporan polis adalah tidak mahu ada masalah. Oleh sebab itu SP1 telah menarik balik laporan polis yang telah dibuatnya. Tiada pada bila-bila masa SP1 menyatakan SP1 menarik balik report disebabkan OKT1 dan OKT2 datang ke rumah SP1 untuk mendapatkan balik wang yang kononnya dihutang oleh SP1 dari OKT2.

[66] Mahkamah mendapati walaupun peguam menyoal berkali-kali berkenaan dengan penarikan balik laporan polis yang dibuat oleh SP1, SP1 tetap tegas menyatakan tujuan tarik balik adalah tidak mahu ada masalah pada masa hadapan itu sebabnya SP1 tarik balik laporan polis. Bahkan SP1 tegas menyatakan beliau tidak mengenali OKT1 dan OKT2 dan tidak setuju SP1 berhutang dengan OKT2. SP1 juga tidak setuju beliau laporan palsu. Oleh yang demikian adalah dapatan mahkamah ini keterangan SD4 tidak menimbulkan keraguan munasabah kepada kes pendakwaan. Sebaliknya pembelaan telah gagal untuk mengemukakan bapa kepada OKT2 untuk memberikan keterangan bagi mengesahkan keterangan OKT2 yang telah memaklumkan kepada bapanya mengenai SP 1 yang telah meminjam wang OKT2 berjumlah RM5,000.

